



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 51 - Nov 05 - Jan 06

15hb Februari 2006



Majlis Peletakan Batu Asas dan Pecah Tanah Masjid UiTM Sarawak (m.s. 3)

Kita Menang Lagi (m.s. 3)



inside !

Mesej Prof Madya Dr Jamil Hj. Hamali

Majlis Pecah Tanah

Anugerah Kualiti

11D 2006: STestMAP

Syabas to our KARISMA athletes

KKK UiTMCS melawat Pontianak

Nadra's Student Exchange Experiences

Nakhoda MPP Bertukar

CSSR di UiTM Terengganu

"Excellence in knowledge must be accompanied by spiritual soundness" - YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud



UiTM Sarawak mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Sri Haji Adenan Satem, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, yang mewakili Ketua Menteri, YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam Perasmian Majlis Peletakan Batu Asas dan Pecah Tanah Masjid UiTM Sarawak pada 10 Februari 2006.

(Laporan terperinci dalam isu yang akan datang)



Kita Menang Lagi - Yussri Sawani

Tahniah kepada semua warga kampus UiTM Sarawak kerana kita sekali lagi memenangi Anugerah Kualiti Naib Canselor (ANC) 2005 dengan membawa pulang piala pusingan dan RM 20,000.00. Melihat kepada sejarah, kita telah memenangi anugerah ini sebanyak 4 kali dan telah memenangi ANC 3 kali berturut-turut bagi tahun 2003, 2004 dan 2005. Kemenangan ini merupakan kemenangan bagi semua warga kampus UiTM Sarawak kerana kita telah sama-sama bekerjasama dalam menjayakan program pengurusan berkualiti di UiTM Sarawak. Tanpa penglibatan yang menyeluruh dari warga kampus, kemenangan ini tidak akan dicapai. Walaubagaimanapun, kemenangan hanya akan tinggal sejarah sekiranya kita tidak dapat mengamalkan proses penambahbaikan berterusan. Oleh itu sekali lagi kita berharap agar dapat sama-sama mengamalkan Sistem Pengurusan Berkualiti berteraskan kepada penambahbaikan berterusan seterusnya memperkasakan "Human Capital" untuk kecemerlangan UiTM Sarawak.



